



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 20/2024

MENTERI BELIA DAN SUKAN MENYOKONG SUKAN AKAR UMBI DI CAMERON HIGHLANDS

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dalam lawatan kerja ke Cameron Highlands pada 6 Mei 2024 yang lalu menyatakan beliau akan menangani keperluan untuk menambah baik infrastruktur sukan yang melibatkan atlet muda dari kawasan itu. Bagi menunjukkan sokongan padu untuk sukan akar umbi, YB Hannah Yeoh berkata, "Kementerian berdedikasi untuk memupuk sukan dari peringkat akar umbi hingga sukan elit. Kami berhasrat untuk mewujudkan peluang kepada semua orang untuk melibatkan diri dalam sukan tanpa mengira umur atau latar belakang mereka."
2. Lawatan beliau turut disertai oleh YB Dato' Ramli Bin Dato' Mohd Nor, Ahli Parlimen Cameron Highlands dan beberapa pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
3. Lawatan kerja dimulakan dengan perjumpaan dengan sekumpulan perenang muda yang sebahagiannya mewakili negeri Pahang dalam pertandingan peringkat kebangsaan. YB Menteri telah diberikan taklimat mengenai kekurangan kemudahan renang di Cameron Highlands yang menyebabkan atlet yang bercita-cita tinggi ini terpaksa menjalani latihan di kolam renang di The Strawberry Hotel yang disediakan secara percuma oleh pihak pengurusan hotel. Di sebalik cabaran ini, atlet renang telah mencapai kejayaan yang luar biasa dengan memenangi

pelbagai pingat di pelbagai peringkat kejohanan.

4. "Sungguh menggembirakan melihat dedikasi dan ketabahan perenang muda ini," kata Hannah Yeoh. "Pencapaian mereka dalam menghadapi sumber yang terhad adalah bukti keazaman mereka dan sokongan masyarakat yang kuat."
5. YB Hannah Yeoh memuji The Strawberry Hotel atas sokongan mereka dan menekankan usaha mereka sebagai contoh perkongsian awam-swasta dalam pembangunan sukan. YB Menteri dalam lawatan kerjanya turut membincangkan keperluan kolam renang yang sesuai untuk latihan bersama Ahli Parlimen Cameron Highlands. YB Menteri menyatakan komitmennya untuk bekerjasama dengan wakil tempatan bagi mencapai matlamat ini khususnya dalam mengenal pasti tanah untuk tujuan ini.
6. Dalam usaha menggalakkan pembangunan sukan luar bandar, KBS turut menganjurkan beberapa siri acara sukan untuk masyarakat setempat antaranya Sepak Takraw, Futsal dan Silambam. Ini termasuk aktiviti khas untuk warga emas bagi menggalakkan gaya hidup aktif untuk semua peringkat umur.
7. Semasa lawatan kerja itu, beliau telah meninjau cadangan kerja naik taraf untuk mengubah padang menjadi kemudahan trek dan padang. Lokasi ini berfungsi sebagai tempat utama untuk aktiviti sukan tempatan, acara sekolah dan aktiviti rekreasi yang lain. Peningkatan ini diharapkan dapat menyediakan kemudahan yang lebih baik untuk atlet, sekolah tempatan dan komuniti yang lebih luas.

8. Di samping itu, YB Hannah Yeoh turut melawat gim komuniti tempatan yang diuruskan oleh Majlis Belia Daerah Cameron Highlands yang mana beliau mengumumkan sumbangan sebanyak RM50,000 untuk menaik taraf peralatan gim itu.
9. YB Menteri turut beramah mesra dengan anak-anak dan belia orang asli yang ramai menyatakan semangat mereka terhadap sukan futsal dan sepak takraw yang popular dalam kalangan masyarakat. Beliau juga bertemu dengan pemain bola keranjang tempatan yang kebanyakannya menghabiskan waktu selepas kerja bermain bola keranjang dan menganjurkan kejohanan tempatan untuk komuniti. Input yang diperolehi akan membimbing KBS merancang program sukan dan pembangunan yang disasarkan bagi memastikan ia sejajar dengan minat dan keperluan masyarakat setempat.
10. Lawatan itu diakhiri dengan klinik bola sepak untuk 160 kanak-kanak dari komuniti tempatan dan orang asli dengan setiap kanak-kanak menerima bola sepak percuma untuk menggalakkan latihan berterusan dan pembangunan kemahiran.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

7 MEI 2024



Hannah Yeoh bersama perenang muda yang memenangi pelbagai pingat di pelbagai peringkat kejohanan.



Hannah Yeoh bersama belia Orang Asli Cameron Highland.



Hannah Yeoh bersama warga emas membuat senaman ringan untuk memastikan warga emas kekal aktif dalam bersukan.